

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	30/9/2018	MUKA SURAT : 21
JABATAN	:	JMG / PERHUTANAN / JPS / BANJIR	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Bantu atasi masalah banjir kilat

Pas akan kemukakan kepada agensi berkaitan

NIK AMIRUL MU' MIN
NIK MIN

JERANTUT

Sekretariat Adun Pas Pahang akan mengemukakan cadangan kepada agensi berkaitan bagi mengatasi masalah penduduk Kampung Baru Jerantut yang terjejas dipercayai akibat aktiviti pertombongan bijih besi dan kuari di kawasan itu.

Timbalan Pesuruhjaya Pas Pahang, Andansura Rabu berkata, cadangan itu akan dikemukakan Adun Damak, Zuridan Md Daud.

Menurutnya, antara ca-

dangan termasuk kaedah baik pulih tanah penduduk yang terjejas dan mungkin membabitkan pampasan jika perlu.

"Turut serta membuat tinjauan di kampung itu ialah wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Perhutanan Jerantut, Pejabat Tanah dan Galian Jerantut bagi mendapatkan penjelasan penduduk," katanya ketika dihubungi, kelmarin.

Beliau turut mengulas lawatan itu untuk mendengar keluhan penduduk terbabit. Andansura berkata, beliau menerima aduan mendakwa berdepan masalah tanah dan tanaman turut terjejas akibat banjir kilat dan air bertakung.

"Menurut penduduk, tanah mereka kini seperti paya dan tidak dapat disahakan selain tidak sesuai untuk didirikan rumah.



Andansura (tiga, kiri) bersama agensi berkaitan meninjau tanah Kampung Baru Jerantut yang teruk terjejas ditaklukkan penduduk berpunca daripada aktiviti lombong.

"Ada penduduk yang dakwa, dasar sungai makin cetek.

"Bila sungai cetek, setiap kali hujan lebat, air akan melimpah dan berlaku banjir kilat. Masalahnya, air itu tidak mengalir keluar sebaliknya

bertakung dalam kawasan tanah penduduk," katanya.

Andansura berkata, pada lawatan itu juga, beliau bersama agensi berkaitan turut melihat masalah air keruh di Lata Merawang juga turut

menjejaskan penduduk.

"Air sungai itu merupakan sumber minuman penduduk selain terdapat aktiviti ternakan ikan diusahakan beliau yang bergantung kepada sungai itu.

info
Penduduk dakwa tanah rosak akibat pertombongan dan kuari

"Kita dapati sekiranya masalah ini tidak diatasi akan mengganggu aktiviti penduduk termasuk masalah kesihatan dan menjejaskan perternakan ikan," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan penjelasan pihak jabatan hutan, tiada aktiviti pembalakan di kawasan tersebut sebaliknya pencemaran air itu mungkin disebabkan pembalakan di kawasan lain..

"Saya diberitahu kawasan itu jauh bagaimana pun bila hujan lebat, air lumpur dari akan memasuki anak-anak sungai dan akhirnya sampai dan memasuki sungai di Lata Merawang menyebabkan ia keruh," katanya.